

**09 OGOS, 2019**

**Kepada semua Pengarang Berita**

### **KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA**

SIDANG AKHBAR HARI INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENYATAKAN KEPRIHATINAN NUJ TERHADAP NASIB YANG MENIMPA AHLI KAMI DI UTUSAN YANG SEJAK BEBERAPA BULAN LALU MENERIMA GAJI LEWAT DAN TIDAK MENENTU SEBELUM IA BERAKHIR DENGAN TIDAK DIBAYAR GAJI LANGSUNG MULAI JULAI LALU.

SEHUBUNGAN ITU DEMI MASA DEPAN AHLI KAMI DAN KAKITANGAN UTUSAN YANG KINI HIDUP DALAM KEADAAN SUKAR, NUJ MERAYU KEPADA UMNO SUPAYA MELEPASKAN PEGANGAN SAHAM MEREKA DENGAN SEGERA JUGA DEMI SURVIVAL SYARIKAT AKHBAR DAN PEKERJANYA YANG TIDAK BERDOSA INI.

WALAUPUN UMNO BUKAN LAGI PEMEGANG SAHAM TERBESAR TETAPI SEMUA ORANG TAHU PARTI INI MENGGUNAKAN PROKSI IAITU DATUK AZIZ SHEIKH FADZIR SELAKU PENERUS EKSEKUTIF DAN BEKAS AHLI PARTI UNTUK TERUS MENGAWAL AKHBAR INI.

JELAS UMNO TIDAK LANGSUNG MEMPERDULIKAN NASIB KAKITANGAN UTUSAN KETIKA INI SEHINGGA SANGGUP MELIHAT PEKERJA MELAYU HIDUP MENDERITA DEMI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

DIGEMBAR-GEMBURKAN SEBESAR-BESARNYA KONON UMNO ADALAH PARTI YANG MEMBELA NASIB ORANG MELAYU TETAPI PADA HAKIKATNYA PEKERJA MELAYU DI SYARIKAT SENDIRI PUN PARTI INI TIDAK TERBELA.

AHLI KAMI KINI BERHUTANG KELILING PINGGANG KERANA TIADA GAJI UNTUK MEMBAYAR PINJAMAN PERIBADI, RUMAH DAN KENDERAAN, BERHUTANG DENGAN AH LONG, BERGADAI BERGOLOK EMAS MILIK SENDIRI UNTUK MEMBERI MAKAN ANAK-ANAK.

HENDAK MENGISI PETROL KENDERAAN UNTUK KELUAR BEKERJA PUN SUDAH TIDAK MAMPU APATAH LAGI UNTUK MELAKUKAN TUGASAN MEMBUAT LIPUTAN. LEBIH MENYUKARKAN KEADAAN APABILA SUAMI ISTERI BEKERJA DI UTUSAN.

POTONGAN GAJI UNTUK KWSP, LHDN, ZAKAT, PINJAMAN BANK, INSURANS, SOCSO, YURAN BULANAN NUJ, YURANG KOPERASI DAN TABUNG HAJI KAMI PULA DIROMPAK KERANA DUITNYA TIDAK SAMPAI KE AGENSI TERBABIT SEDANGKAN DALAM SLIP GAJI DIPOTONG SEPERTI BIASA.

INI MENYEBABKAN RAMAI AHLI KAMI SEKARANG DIBURU OLEH BANK-BANK SEJAK GAJI KERAP LEWAT DIBAYAR MULAI AWAL TAHUN INI SEHINGGALAH IA MENJADI LEBIH BURUK APABILA PEKERJA TIDAK MENDAPAT GAJI PADA BULAN LALU.

ADA AHLI KAMI TERPAKSA MEMBERI AIR SIRAP KEPADA ANAK KECIL MEREKA UNTUK MENGGANTIKAN SUSU YANG SUDAH TIDAK MAMPU DIBELI LAGI BERIKUTAN KETIADAAN WANG YANG MENCUKUPI.

NAMUN AHLI KAMI TERDIRI DARIPADA WARTAWAN, JURUGAMBAR DAN ARTIK GRAFIK MASIH TERUS BEKERJA KERANA BEGITU SAYANGKAN SURVIVAL SYARIKAT AKHBAR INI YANG SATU KETIKA DAHULU PERNAH DIANGGAP KERAMAT.


SUDAPLAH TIDAK DIBAYAR GAJI BULANAN, AHLI KAMI DI UTUSAN JUGA SUDAH LIMA TAHUN TIDAK MENIKMATI KENAIKAN GAJI MENGIKUT PERJANJIAN BERSAMA (CA) ATAS ALASAN SYARIKAT TIDAK MEMPUNYAI SUMBER KEWANGAN.

PELIKNYA SYARIKAT DI BAWAH KEPIMPINAN DATUK AZIZ SHEIKH FADZIR INI BOLEH PULA MENAIKKAN GAJI KAKITANGAN ATASAN ANTARA 10 HINGGA 30 PERATUS MULAI APRIL LALU KETIKA SIBUK MENGATAKAN TIDAK ADA DUIT.

TINDAKAN SEUMPAMA INI BUKAN SAHAJA SATU SIKAP PILIH KASIH ATAU DOUBLE STANDARD TETAPI JUGA BERTUJUAN UNTUK MENJEJASKAN KEHARMONIAN DALAM KALANGAN PEKERJA DI UTUSAN.

JELAS DATUK AZIZ YANG BUAT MASA INI PERGI MENUNAIKAN HAJI KETIKA KAKITANGANNYA MENDERITA TIADA GAJI GAGAL MEMIMPIN UTUSAN SECARA ADIL DAN BIJAKSANA.

UMNO PERLU MELIHAT KELEMAHAN INI DENGAN SEGERA DAN JIKA TIDAK MAMPU MENJAGA UTUSAN DAN KAKITANGANNYA, ADALAH LEBIH BAIK MELEPASKAN PEGANGAN SAHAM DEMI MEMASTIKAN AKHBAR MELAYU INI TERUS HIDUP DENGAN GAHNYA SEBAGAI NO. 1 DI NEGARA INI.



**CHIN SUNG CHEW**  
Setiausaha Agung NUJ Malaysia